

BAB 5

5.0 KESIMPULAN DAN PENUTUP

5.1 Kesimpulan

5.1.1 Pendekatan diagnostik

Strevens (1985) dan Corder (1967) menyatakan bahawa analisis kesilapan ini merupakan satu pendekatan diagnostik. Ini bererti matlamatnya ialah untuk mencari punca kesilapan dan cuba membantu pelajar mengatasinya moga-moga dapat mempelajari serta menguasai bahasa dengan baik. Pelajar Melayu yang dikaji telah mempelajari Bahasa Malaysia sejak daripada sekolah rendah lagi. Mereka juga bercakap Bahasa Malaysia di rumah dan ketika berkomunikasi dengan rakan-rakan. Kesalahan yang mereka lakukan menunjukkan yang sungguhpun Bahasa Malaysia itu bahasa ibunda, namun mereka tetap membuat kesilapan. Ini menunjukkan yang pembelajaran tatabahasa semasa di sekolah rendah dan menengah dahulu kurang berkesan dan sebenarnya mereka masih belum kuasai betul-betul segmen sendi nama ini. Ini juga memaparkan kepada pengkaji bahawa guru bahasa semasa pelajar di sekolah rendah dan menengah dahulu tidak dapat membasmikan kesalahan yang dilakukan selama ini. Mungkin juga guru tidak berjaya menyampaikan kefahaman tentang segmen ini dengan baik dan berkesan. Penyelidik simpulkan ini

sebagai kelemahan penguasaan bahasa pelajar dan kegagalan guru bahasa menyampaikan pengajaran bahasanya dengan berkesan khususnya segmen sendi nama.

Kesilapan ini adalah juga kesilapan penampilan sebab pelajar mempunyai sikap tidak kisah, kurang minat dan cuai terhadap bahasa menyebabkannya terus melakukan kesilapan ketika menulis. Kemerosotan penguasaan bahasa ini jelas apabila kita melihat keputusan Bahasa Malaysia peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia. Bagi pelajar bukan Melayu, ramai yang gagal peperiksaan sebab gagal Bahasa Malaysia sekalipun agregatnya pangkat pertama. Kelemahan dan kesilapan bahasa begini boleh menjejaskan dan mencacatkan tahap pendidikan. Pada pendapat penyelidik guru bahasa juga harus mencari pendekatan yang sesuai dan berkesan. Guru juga harus dapat mengesan kelemahan pelajar ini sejak di peringkat sekolah rendah lagi agar sekurang-kurangnya dapat menyedarkan pelajar tentang kelemahan mereka. Sekiranya ini dilakukan terpujang kepada pelajar untuk memperbaiki diri sendiri.

5.1.2 Kesalahan Bahasa

Pelajar yang dikaji sudah sampai ke peringkat universiti. Namun masih membuat kesilapan bahasa. Ini sesuatu yang menyedihkan sebab kelemahan pelajar ini memaparkan kegagalan pengajaran bahasanya sebelum ini. Pelajar yang dikaji bertuah

sebab diberitahu tentang kesilapan mereka secara individu dan terpulang kepada mereka untuk memajukan diri mereka apabila keluar universiti nanti. Sekiranya pelajar ini memperbaikinya, maka ini sesuatu yang baik untuk diri mereka sebab Bahasa Malaysia adalah bahasa rasmi, bahasa pentadbiran dan bahasa berkomunikasi negara dan mereka merupakan antara penggunaannya.

Corder (1973) menyatakan bahawa membuat silap ketika mempelajari bahasa itu suatu perkara biasa. Malah pelajar membuat kesilapan bahasa pada peringkat pra-sistematik, sistematik dan pasca sistematik. Secara positif, proses belajar itu memerlukan kita membuat silap sebab melalui kesilapan itu kita belajar. Terlatah, tergamam, tersasul dan tersilap sebut menyebabkan sentiasa sahaja ada ruang untuk melakukan kesilapan. Saya bersetuju dengan Asmah Omar (1983).

'Kesyilapan bahasa itu tidak seharusnya dianggap sebagai pencemaran kerana kesilapan merupakan penyimpangan yang tidak disengajakan daripada peraturan-peraturan bahasa. Kesilapan boleh diperbaiki secara mendidik dan bukan dimomok-momokkan' (Asmah, 1983).

5.2 Penutup

Kajian ini hanya melibatkan lima puluh orang pelajar kod BBM 203 sahaja dan ini adalah sebahagian kecil pelajar di Fakulti Pertanian, Universiti Pertanian Malaysia. Kajian dan penyelidikan ini hanya dapat memaparkan gambaran kesalahan secara menyeluruh sahaja.

Penyelidik ingin menyarankan agar nasihat dan peringatan wajib diberikan di mana perlu untuk membendung sikap pelajar terhadap Bahasa Malaysia moga-moga mereka terus menerus sedar bahawa Bahasa Malaysia itu mustahak sebagai bahasa ilmu untuk masa kini dan akan datang. Penguasaanya dengan baik merupakan suatu kejayaan, sama nilainya dengan penguasaan bahasa Inggeris atau bahasa lain.